

# KAJIAN KEBERTERIMAAN ISTILAH MABBIM

## BIDANG EKONOMI DAN PERBANKAN

Kumpulan Jawatankuasa Penyelidikan  
Brunei/Indonesia/Malaysia

### Latar Belakang

Salah satu fungsi bahasa adalah sebagai alat komunikasi. Bahasa digunakan untuk mengungkapkan berbagai-bagai konsep demi memasyarakatkannya. Justeru, untuk mencapai hasrat tersebut bahasa perlulah dikembangkan sejajar dengan perkembangan dan kemajuan masyarakat itu sendiri. Proses pengembangan bahasa ada hubung kaitnya dengan perancangan bahasa kerana hasrat perancangan bahasa tidak hanya meramalkan bahasa pada masa akan datang, tetapi juga berkaitan dengan penciptaan bahasa tulisan, sistem ejaan, penyusunan tatabahasa, dan kosa kata. Moeliono (1989:157) yang mengaitkan perkembangan bahasa dengan pemodenan bahasa menyebut pemodenan bahasa itu bermaksud pemutakhiran bahasa agar serasi dengan keperluan komunikasi semasa dalam pelbagai bidang kehidupan, seperti industri, perdagangan, teknologi, dan pendidikan lanjutan.

Peristilahan merupakan bahagian khusus perancangan bahasa bidang kosa kata. Melalui istilah, orang yang berkecimpung dalam suatu bidang dapat berkomunikasi dengan baik dalam bidang yang sama. Keperluan mewujudkan istilah muncul dan disadari ketika seseorang harus menguasai sekumpulan istilah untuk mengenal dan menangani berbagai-bagai perkara (Qodratillah, 2004:2). Selanjutnya, keseragaman istilah diperlukan agar istilah yang digunakan tidak bersifat kabur. Hal ini diperlukan agar orang dapat berkomunikasi dengan mudah dan lancar. Sehubungan itu, pembakuan istilah merupakan salah satu daripada kerangka perancangan bahasa. Menurut Ferguson (1968) dlm. Qodratillah (2004:2) definisi pembakuan adalah proses menyeragamkan variasi bahasa yang kemudian dapat diterima secara meluas oleh masyarakat bahasa.

Dengan penyebaran bahasa Melayu/Indonesia yang seluas itu, mungkin berlaku perbezaan antara bahasa Melayu/Indonesia dengan bahasa Melayu dari negara-negara tersebut. Perbezaan dan persamaan pastinya boleh terjadi dalam berbagai-bagai aspek. Antara perbezaan yang berlaku antara bahasa Melayu/Indonesia dengan bahasa Melayu dari negara lain ialah perbezaan istilah dari segi ejaannya. Selain itu, terdapat juga kemungkinan berlakunya persamaan pada istilah yang digunakan di kedua-dua negara tersebut. Oleh itu, untuk mengurangkan terjadinya perbezaan-perbezaan tersebut, satu kerjasama antara bangsa-bangsa yang memiliki bahasa serumpun itu telah diadakan. Perundingan demi perundingan yang dilakukan oleh para ahli bahasa tersebut berhasil membentuk suatu kerjasama dalam wadah MBIM/MABBIM.

Kerjasama yang dimaksudkan terjalin sejak tahun 1959, iaitu antara negara Indonesia dan Malaysia sehingga penyertaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 4 November 1985 menjadikan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) yang sebelumnya dikenal sebagai MABM. Tujuan dan fungsi majlis ini adalah :

- 1) meningkatkan semangat kebersamaan dan persaudaraan antara negara anggota;

- 2) meningkatkan peranan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota sebagai alat perhubungan yang lebih luas;
- 3) mengusahakan pembinaan dan pengembangan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota supaya menjadi bahasa yang setaraf dengan bahasa moden yang lain;
- 4) mengusahakan penyelarasan bahasa melalui kegiatan ilmiah, seperti penyusunan pedoman atau panduan;
- 5) mengadakan pertemuan berkala demi penyelarasan dan pendekatan bahasa kebangsaan/rasmi negara anggota.

Satu daripada aktiviti yang dijalankan untuk mencapai tujuan di atas adalah menubuhkan jawatankuasa di negara masing-masing untuk membentuk istilah dalam pelbagai bidang ilmu. Istilah-istilah tersebut kemudian akan dibincangkan dalam sidang antara negara untuk menyepakati istilah yang terbentuk di negara masing-masing. Untuk melancarkan kerja penyelarasan istilah antara ketiga-tiga negara tersebut, beberapa panduan telah dikeluarkan oleh MABBIM. Antaranya, *Pedoman Umum Ejaan yang Disempurnakan (PUEYD)* dan *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (PUIBM)*. Di samping itu, MABBIM juga membincangkan peristilahan dalam pelbagai bidang ilmu yang juga merupakan perancangan upaya pengembangan bahasa, iaitu pengayaan kosa kata. Pengayaan kosa kata itu berupa padanan istilah asing Indonesia/Melayu, baik yang diperoleh melalui penterjemahan mahupun melalui penyerapan dengan penyesuaian ejaan bahasa Melayu (untuk Brunei Darussalam dan Malaysia) atau ejaan bahasa Indonesia (untuk Indonesia).

Hasil daripada sidang pakar yang diadakan saban tahun dikumpulkan dan diterbitkan oleh setiap negara mengikut versi masing-masing. Sebenarnya, hasil kerjasama MABBIM dalam mewujudkan pengembangan istilah dalam berbagai-bagai bidang ilmu perlu diketahui oleh khalayak. Jika istilah MABBIM tidak tersebar, keadaan tersebut merupakan salah satu kemungkinan wujudnya ketidakseragaman dalam berbagai-bagai ilmu (Sugono, 2003). Selain itu, jumlah penerbitan produk MABBIM yang sangat terhad dan tidak dijual, juga merupakan kekangan kepada penyebaran istilah-istilah tersebut. Sementara itu, para ilmuwan juga tidak menggunakan istilah secara tekal walaupun telah diputuskan oleh MABBIM.

Selain ketidakseragaman istilah bagi konsep yang sama, keadaan sebaliknya juga didapati berlaku. Terdapat istilah yang sama tetapi digunakan untuk konsep yang berbeza. Ketidakseragaman ini menjadi penghalang kemantapan atau keseragaman istilah dalam sesuatu bidang yang perlu ditangani. Sekiranya terdapat ketidakseragaman, sekurang-kurangnya ketidakseragaman itu dibenarkan pada tahap minimum. Dari sudut lain, istilah dalam pelbagai bidang ilmu yang telah diputuskan oleh MABBIM tidak semuanya diterima oleh masyarakat. Tahap penerimaan istilah baru dalam bahasa Indonesia itu mungkin disebabkan oleh ciri-ciri istilah itu sendiri, seperti ketepatan makna, bentuk yang ringkas, dan kesedapan bunyi.

## **Permasalahan Kajian**

Setakat ini sebanyak 128 693 istilah telah disepakati pada peringkat MABBIM dan diterbitkan. Namun belum ada lagi kajian yang dijalankan untuk menilai tahap penggunaan istilah yang telah disepakati ini. Persoalan tentang berapa banyak istilah yang diterima pakai oleh pengguna dan berapa pula yang tidak diguna pakai masih lagi belum terjawab. Kini, telah lebih 15 tahun daftar istilah tersebut diterbitkan dan sudah tiba masanya kajian penilaian dijalankan. Kajian yang berkaitan dengan keberterimaan istilah tersebut, bagi setiap bidang,

amat wajar dilakukan di negara masing-masing. Dalam kajian ini, Malaysia dan Brunei Darussalam memilih bidang Perbankan sebagai sampel kajian manakala Indonesia pula memilih bidang Ekonomi.

Di Malaysia, pada abad ke-15 hingga awal abad ke-18, urusan kewangan adalah dalam bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu. Pada masa itu urusan kewangan bersifat mudah. Namun, apabila pihak British memperkenalkan sistem kewangan moden, urusan kewangan menjadi kompleks. Melalui sistem ini pertumbuhan ekonomi menjadi pesat dan melibatkan penubuhan bank untuk memberikan khidmat kepada perdagangan antarabangsa. Sistem kewangan moden yang dibawa oleh pihak British ini membawa bersama penggunaan bahasa Inggeris termasuk istilah-istilah yang berkaitan. Justeru, bermulalah era penggunaan bahasa Inggeris dalam institusi kewangan dan perbankan. Walaupun Malaysia telah merdeka pada 1957 berserta dengan penubuhan Bank Negara Malaysia (dahulunya Bank Negara Tanah Melayu), namun penggunaan bahasa Inggeris masih diteruskan.

Penggunaan bahasa Inggeris dalam institusi kewangan dan perbankan tersebut berlaku kerana dalam akta-akta yang berkaitan dengan pelesenan institusi kewangan dan urusan-urusan institusi berkenaan tidak ada langsung menyentuh tentang penggunaan bahasa. Antara akta yang terlibat ialah Akta Bank 1972, Akta Syarikat Kewangan 1969, dan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (Akta 372). Hal ini menjadi lebih rumit apabila Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (semakan 1971) sendiri secara tidak langsung telah mengecualikan sektor swasta dalam penggunaan bahasa kebangsaan. Sehingga pada tahun 2001, setelah diadakan pelbagai seminar berhubung dengan penggunaan bahasa kebangsaan dalam industri kewangan dan perbankan, Bank Negara Malaysia mengeluarkan arahan kepada semua institusi perbankan dan syarikat insurans di bawah bidang kuasanya supaya menggunakan bahasa kebangsaan dalam dokumen yang dikeluarkan oleh institusi dan syarikat tersebut.

Di Indonesia pula, penggunaan istilah ekonomi bukan hanya terdapat dalam kalangan masyarakat yang terlibat dengan urusan kewangan sahaja. Para ilmuwan seperti pensyarah dan mahasiswa juga merupakan golongan utama pengguna istilah berkenaan. Hal ini disebabkan mereka merupakan golongan yang mempunyai kedudukan yang boleh dikatakan penting dan berpengaruh dalam kalangan masyarakat. Di Indonesia, perancangan pemasyarakatan produk MABBIM di tahap pengajian tinggi merupakan perancangan yang sangat tepat untuk memperbaiki taraf hidup bangsa serta mewujudkan bahasa Indonesia sebagai bahasa yang moden.

Berdasarkan sejarah, sejak mencapai kemerdekaan, Negara Brunei Darussalam telah menguatkuasakan dasar dwibahasa dalam pendidikan negara pada tahun 1985. Melalui dasar tersebut, bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantar bagi mata pelajaran sekolah, manakala Bahasa Melayu, Sastera, Lukisan, dan mata pelajaran yang berhubung dengan agama Islam diajar dalam bahasa Melayu. Kini, dasar dwibahasa sudah meniti sejarah dewasanya, iaitu sudah menjangkau 20 tahun. Dasar tersebut telah melahirkan pelajar berpendidikan dalam bahasa Inggeris, yang kalau pun tidak mahir tetapi dapat memahami bahasa ini. Impaknya, pelajar cenderung memilih bahan bacaan yang menggunakan bahasa Inggeris. Hal ini secara tidak langsung mempengaruhi tindakan badan atau institusi tertentu seperti bank, peniaga, atau institusi perniagaan untuk menghasilkan terbitan dalam bahasa Inggeris untuk tujuan pemakluman, promosi, iklan dan sebagainya.

Sejauh yang diketahui, belum ada peraturan atau undang-undang yang menuntut semua bank di Brunei Darussalam menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan niaga. Oleh sebab itu, semua bahan bercetak urusan niaga bank bebas menggunakan bahasa, sama ada bahasa Melayu ataupun bahasa Inggeris.

Berdasarkan syarat-syarat penerimaan tenaga kerja di bank, kebolehan menguasai bahasa Inggeris amat penting dan menjadi syarat utama bagi bank mengambil pekerja baru. Dengan kebolehan ini, para petugas bank menggunakan bahasa Inggeris dalam penulisan dan perhubungan dan bahasa Melayu hanya digunakan dalam komunikasi akrab yang diselangi oleh bahasa Inggeris. Pada peringkat pengurusan, bahasa Inggeris lebih dominan atau digunakan sepenuhnya. Bukanlah merupakan suatu kejutan bahawa istilah perbankan dalam bahasa Inggeris lebih banyak diketahui atau dikenali dalam kalangan pegawai dan staf bank sementara istilah perbankan dalam bahasa Melayu hanya tinggal di atas kertas, seperti pamflet dan brosur. Ini sudah tentunya memberikan kesan terhadap jumlah penggunaan istilah perbankan dalam bahasa Melayu di bank-bank Brunei Darussalam.

Berdasarkan perkembangan semasa bahasa di ketiga-tiga negara dan setelah istilah MABBIM diterbitkan, kajian yang menjawab persoalan untuk melihat sejauh mana keberterimaan istilah ekonomi dalam urusan kewangan di institusi perbankan, atau dalam pengajian tinggi wajar dilakukan. Secara khususnya, kajian yang dijalankan bertujuan menjawab persoalan berikut:

- I. Sejauh manakah wujudnya keseragaman pemakaian istilah ekonomi dalam pengajian tinggi atau perbankan dalam urusan kewangan di institusi perbankan?
- II. Adakah bentuk terjemahan atau bentuk serapan yang lebih cenderung digunakan dalam bidang ekonomi atau perbankan?
- III. Bagaimanakah sikap petugas/pengguna dalam urusan kewangan terhadap istilah perbankan hasil MABBIM atau pensyarah/mahasiswa pusat pengajian tinggi terhadap istilah ekonomi bahasa Melayu/Indonesia?
- IV. Bagaimanakah penerimaan istilah serapan dan terjemahan dalam kalangan petugas/pengguna dalam urusan kewangan dan pensyarah/mahasiswa pusat pengajian tinggi?

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap keberterimaan terutamanya dari aspek penyebaran dan penggunaan istilah bidang ekonomi dan perbankan yang sudah disepakati pada peringkat MABBIM. Melalui kajian ini, kita dapat melihat peratusan penggunaan istilah yang telah dibentuk, peratusan istilah yang tidak digunakan, dan peratusan perbezaan istilah yang digunakan berbanding istilah MABBIM.

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pemyarakatan dan penerimaan istilah perbankan dalam bahasa Melayu di institusi perbankan atau istilah ekonomi di institusi pengajian tinggi. Usaha ini juga menjurus kepada penilaian sikap petugas/pengguna institusi perbankan atau pensyarah/mahasiswa terhadap bahasa Melayu/Indonesia yang telah diangkat menjadi bahasa rasmi negara. Secara khususnya, kajian ini bertujuan meninjau penerimaan istilah serapan dan terjemahan dalam bidang ekonomi. Di samping itu, faktor ciri-ciri istilah yang cenderung diterima atau ditolak dan alasan penerimaan atau penolakannya akan turut dikaji. Selanjutnya, kajian juga akan

melihat kecenderungan kelompok pengguna sama ada dalam urusan kewangan seperti di bank mahupun dalam kelompok pensyarah/mahasiswa terhadap istilah ekonomi hasil MABBIM tersebut. Kajian ini juga akan mengenal pasti sebarang pemboleh ubah sosial yang mempengaruhi sikap mereka untuk menerima atau menolak istilah ekonomi dan perbankan hasil MABBIM.

## **Batasan Kajian**

### ***Malaysia***

Kajian ini dihadkan kepada penilaian penggunaan istilah dalam sektor perbankan dengan istilah berkaitan bidang ini yang telah disepakati di peringkat MABBIM. Kajian dilakukan tertumpu kepada data korpus daripada majalah dan buku terbitan ilmiah dan bukan ilmiah dalam bidang ekonomi, kewangan dan pengurusan perniagaan. Selain itu, istilah dalam bahan bercetak seperti brosur, borang, iklan, dan bahan efemeral lain yang dikeluarkan oleh institusi perbankan juga akan diteliti.

### ***Indonesia***

Di Indonesia pula, kajian keberterimaan istilah ekonomi tertumpu kepada penggunaannya dalam bidang pendidikan tinggi. Sebanyak 40 istilah telah dipilih untuk dijadikan sampel. Istilah-istilah tersebut mempunyai padanan sinonim minimum dua istilah, baik yang berupa terjemahan Indonesia mahupun yang berupa serapan istilah daripada satu istilah bahasa sumber iaitu bahasa Inggeris. Selain itu, sebanyak 20 istilah lagi yang juga memiliki pasangan padanan lebih daripada satu, baik yang berupa terjemahan mahupun yang berupa serapan istilah dari satu istilah bahasa sumber (bahasa Inggeris) diambil untuk mengetahui keberterimaannya dalam kalangan pensyarah dan mahasiswa. Secara keseluruhannya, sebanyak 60 istilah yang memiliki pasangan padanan lebih daripada satu akan dijadikan sampel dalam kajian ini.

### ***Brunei Darussalam***

Kajian keberterimaan istilah MABBIM dalam bidang perbankan yang dilaksanakan oleh pihak Brunei Darussalam tertumpu kepada bahan bercetak yang dikeluarkan oleh lima buah bank terpilih yang banyak berurusan dengan orang ramai. Kebanyakan petugas di bank ini berbangsa Melayu, malahan ada sesetengah bank yang dikunjungi mempunyai hampir semua petugasnya berbangsa Melayu. Yang menjadi kekangan terhadap data yang terkumpul ialah sebahagian besar bahan bercetak yang dikeluarkan oleh bank-bank ini dicetak dalam bahasa Inggeris. Justeru, jumlah istilah dalam bahasa Melayu yang boleh dikutip turut terjejas.

## **SIGNIFIKAN KAJIAN**

Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) ditubuhkan dengan hasrat untuk melancarkan komunikasi antara tiga negara anggota, dalam pelbagai sektor. Secara khususnya MABBIM merupakan wahana kebahasaan serantau yang berperanan menyatukan bahasa yang asalnya serumpun, iaitu bahasa Melayu/Indonesia di samping memperkukuh hubungan politik, sosiobudaya, ekonomi, sains dan teknologi antara negara anggota. Kini, setelah kira-kira 35 tahun MABBIM ditubuhkan, pelbagai aktiviti kebahasaan telah diadakan. Antara yang utama adalah penyelarasan istilah dan penyeragaman ejaan.

Kajian yang dilakukan oleh negara anggota ini bertujuan melihat sejauh mana usaha yang telah dijalankan berkaitan peristilahan telah mencapai matlamatnya. Dapatan kajian dalam bidang-bidang berkenaan akan menjadi petunjuk atau kayu ukur untuk menilai keberkesanan penyebaran istilah hasil MABBIM dan penerimaannya di kalangan negara anggota.

Hasil kajian ini juga diharap akan dapat memberi gambaran tentang masalah yang dihadapi oleh istilah MABBIM yang seterusnya boleh dijadikan panduan oleh ahli jawatankuasa untuk memperbaikinya.

## **Metodologi Kajian**

Untuk melihat sama ada istilah yang dibina oleh MABBIM digunakan oleh masyarakat atau tidak, perlulah dilihat sama ada istilah-istilah itu termasuk dalam korpus bahasa Indonesia dan bahasa Melayu. Selain itu, perlu juga dikaji sama ada masyarakat dapat memahami makna istilah tersebut serta mahu menggunakan istilah itu. Pemahaman makna dan kesediaan menggunakan istilah itu walaupun masih belum menggunakannya merupakan satu bukti awal keberterimaan istilah MABBIM itu. Penggunaan istilah dalam korpus, sama ada korpus tulisan mahupun lisan, merupakan bukti nyata bahawa istilah itu diterima dan digunakan oleh masyarakat penutur bahasa Melayu/Indonesia sama ada di Malaysia, Indonesia, ataupun Brunei Darussalam.

Penyelidikan ini mengkaji keberterimaan istilah MABBIM dalam ketiga-tiga tahap tersebut. Akan tetapi, disebabkan berbagai-bagai kendala yang dialami di ketiga-tiga negara anggota, kajian keberterimaan istilah ini dilaksanakan secara tidak seragam. Jawatankuasa Penyelidikan MABBIM Brunei Darussalam melakukan penyelidikan korpus dan wawancara kepada para pengguna bahasa Melayu Brunei, Jawatankuasa Penyelidikan MABBIM Malaysia pula melakukan penyelidikan menggunakan korpus, manakala Komisi Penelitian Indonesia pula melaksanakan penyelidikan terhadap korpus dan persepsi pengguna bahasa Indonesia.

Penyelidikan atau kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Keberterimaan istilah bidang ekonomi yang dicipta oleh para pakar bidang ekonomi melalui sidang pakar MABBIM dinilai melalui dua perkara iaitu pertama, adakah istilah-istilah itu digunakan dalam korpus, dan kedua, adakah wujud persepsi positif dalam kalangan penutur kepada istilah yang dihasilkan itu. Kajian ini akan mengenal pasti istilah-istilah yang tidak diterima secara positif di samping mengetahui istilah lain yang lebih disukai oleh masyarakat pengguna sama ada dalam bahasa Indonesia atau bahasa Melayu di Malaysia dan di Brunei Darussalam.

Data dalam kajian ini dibahagikan kepada dua kelompok, iaitu pertama, data berupa korpus teks bahasa Indonesia dan bahasa Melayu untuk Malaysia dan Brunei Darussalam. Data korpus ini disaring dengan cara mengumpulkan teks kemudian menyediakannya dalam format elektronik. Dalam data ini kemudiannya akan terlihat adakah istilah yang dihasilkan oleh MABBIM digunakan sebagai bukti keberterimaannya. Data kedua berupa data kuantitatif yang dikumpulkan dengan menggunakan kaedah soal selidik. Data ini merupakan ungkapan persepsi masyarakat pengguna bahasa. Pada umumnya, jika istilah MABBIM dalam data korpus digunakan oleh pengguna, maka ini bermakna istilah MABBIM dapat difahami makna istilahnya.

### ***Malaysia***

Kajian keberterimaan merupakan satu daripada kajian penggunaan bahasa (Wan Hashim Wan Teh, 1996). Kajian ini juga dapat dianggap sebagai penilaian taraf bahasa (Hassan Ahmad, 1996). Kajian ini memberikan tumpuan kepada perbandingan istilah yang digunakan dalam institusi perbankan dengan istilah yang telah disepakati di peringkat MABBIM. Perbandingan ini akan menjurus kepada beberapa kategori, iaitu (i) istilah yang digunakan oleh pihak bank terdapat di dalam *Daftar Istilah MBIM* atau di dalam *Daftar Istilah MABBIM*, atau (ii) istilah yang digunakan adalah sepadan dengan istilah yang diterbitkan, atau (iii) istilah yang digunakan tidak terdapat dalam daftar istilah MABBIM.

### ***Indonesia***

Bagi Indonesia pula kajian keberterimaan istilah ekonomi hasil MABBIM dilakukan dengan menggunakan kaedah deskriptif kerana tujuan kajian adalah untuk mendeskripsikan sikap bahasa masyarakat terhadap istilah ekonomi yang dipilih. Data kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik. Soalan yang dikemukakan dalam borang tersebut adalah istilah bidang ekonomi dan respondennya pula adalah dalam kalangan mahasiswa dan pensyarah di fakulti ekonomi di institusi pengajian tinggi. Justeru, sampel yang diterima dapat dianggap lebih tepat. Istilah yang ditanyakan ialah istilah hasil MABBIM yang masih belum diterbitkan. Istilah yang dipilih ialah istilah yang mempunyai sekurang-kurangnya dua padanan Indonesia sama ada dalam bentuk terjemahan ataupun serapan. Kajian ini juga melihat sejauh mana keberterimaan istilah bidang ekonomi yang dihasilkan oleh MABBIM dalam berbagai-bagai terbitan seperti akhbar, majalah, tabloid, jurnal, atau kamus. Walau bagaimanapun, bahan-bahan ini tidak dijadikan sumber data tetapi hanya dilihat sebagai perbandingan. Selanjutnya, kaedah ini juga untuk mengaitkan data responden terhadap penerimaan istilah, terutama ciri istilah itu sendiri, seperti ketepatan makna, keringkasan bentuk dan kesedapan bunyinya. Selain itu, kaedah ini juga bertujuan mengaitkan penilaian dan sikap responden terhadap istilah ekonomi yang diajukan. Pernyataan berkaitan ciri-ciri istilah ekonomi dan alasan penerimaan atau penolakan istilah tersebut juga digabungkan dalam kaedah ini.

### ***Brunei Darussalam***

Sama seperti kaedah yang digunakan oleh Malaysia, pihak Brunei Darussalam memberikan tumpuan kepada perbandingan istilah yang digunakan dalam institusi perbankan dengan istilah yang telah disepakati di peringkat MABBIM. Terdapat dua teknik pengumpulan data yang dilakukan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Brunei Darussalam, iaitu kajian sumber rujukan dan kajian lapangan. Kajian sumber rujukan dilakukan untuk menentukan istilah hasil MABBIM yang akan disenaraikan dengan sumber rujukan yang ada. Penentuan istilah tersebut didasarkan pada bahasa sumber yang berasal dari bahasa Inggeris dan ketersediaan padanannya dalam bahasa Melayu.

## **Data dan Sumber Data**

Bahan kajian yang dikumpulkan adalah berbeza-beza antara ketiga-tiga negara anggota. Malaysia dan Brunei Darussalam memilih data korpus sebagai sumber data manakala Indonesia memilih data korpus dan juga data persepsi.

## **Korpus Teks**

### ***Malaysia***

Terdapat dua jenis data korpus teks yang dipilih oleh Malaysia iaitu data korpus melalui Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan data kajian lapangan.

### **Data Korpus Teks**

Melalui kajian korpus data yang dikumpulkan ialah data yang telah sedia terakam dalam Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Data yang menjadi fokus kajian diambil daripada bahan majalah dan buku dalam bidang ekonomi, kewangan dan pengurusan perniagaan dalam bentuk terbitan ilmiah dan bukan ilmiah. Data yang digunakan dibahagikan kepada empat kelompok iaitu:

- a. Buku dalam bidang ekonomi dan bidang yang berkaitan seperti perbankan, perniagaan dan sebagainya;
- b. Makalah dalam bidang ekonomi daripada majalah atau akhbar bahasa Melayu yang utama;
- c. Laporan ekonomi yang tersiar di dalam laman Web dan laporan tahunan;
- d. Brosur, iklan, borang, dan bahan-bahan efemeral lain yang berkaitan dengan perbankan, urus niaga saham.

Melalui majalah bukan ilmiah terdapat sebanyak 35 makalah dapat yang dikumpulkan manakala majalah ilmiah pula sebanyak 141 makalah. Sebanyak 25 buah buku telah dijadikan bahan kajian. Secara keseluruhannya, jumlah data korpus yang dikaji adalah sekitar 2.6 juta kata.

### **Data dari Kajian Lapangan**

Dokumen yang dikumpulkan berupa borang, brosur, iklan, dan bahan efemeral lain. Sebanyak 16 buah institusi perbankan yang berbeza di sekitar Kuala Lumpur telah dilawati dan dokumen dari bank berkenaan dikumpulkan. Bank-bank yang terlibat ialah Alliance Bank, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat, Bank Pertanian Malaysia (kini Agrobank), Bank Simpanan Nasional, Bumiputra - Commerce Bank Berhad, Citibank Malaysia, Hong Leong Bank, Maybank, OCBC Bank Malaysia Berhad, Public Bank, RHB Bank, Southern Bank Berhad, Standard Chartered Bank, Am Bank, dan Bank Negara Malaysia.

### ***Indonesia***

Korpus yang dianalisis merupakan kumpulan teks bidang ekonomi dari berbagai-bagai sumber seperti buku teks, makalah, dan artikel baik dalam bentuk cetakan mahupun bentuk digital. Beberapa teks diambil terus dari sumber-sumber jurnal ilmiah yang tersedia dalam Internet. Pendigitalan teks yang berbentuk cetakan dilakukan dengan penelitian dan penaipan semula. Mengambil kira hasil penelitian sering kali menghasilkan data yang tidak tepat, maka proses penelitian juga perlu dilakukan berulang-ulang terhadap hasil penelitian itu. Oleh itu, tempoh yang agak lama diperlukan untuk penyiapan dapatan data terutama semasa penaipan yang berulang-ulang dan penelitian data korpus.

### ***Brunei Darussalam***

Kajian lapangan dilakukan terhadap sepuluh bank terkemuka untuk mencari sumber rujukan yang akan disenaraikan dengan istilah MABBIM. Sepuluh buah bank terkemuka di Brunei Darussalam menjadi tempat sumber rujukan tersebut adalah seperti yang berikut.

- 1) Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB)
- 2) Bank Baiduri Berhad
- 3) Bank Islam Brunei (IBB)
- 4) Perbadanan Bank Hong Kong dan Shanghai (HSBC)



- 5) Bank RHB Berhad
- 6) Citibank
- 7) Malayan Banking Berhad
- 8) United Overseas Bank Berhad
- 9) Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)
- 10) Bank Standard Chatered

Data berbentuk korpus dikumpulkan dengan cara membandingkan istilah perbankan yang dihasilkan MABBIM iaitu sebanyak 1233 istilah dengan istilah yang digunakan oleh bank-bank yang dipilih. Bahan bercetak yang diperoleh dari bank-bank tersebut adalah seperti dokumen, pamflet, brosur, buku, surat dan sebagainya yang dapat dijadikan sumber data. Dokumen yang diambil adalah yang berbahasa Melayu sahaja. Istilah perbankan yang berhasil dikumpulkan tersebut dikelompokkan kepada dua bahagian, iaitu istilah yang mempunyai padanannya dengan istilah yang dihasilkan MABBIM dan istilah yang tidak mempunyai padanan dengan istilah MABBIM.

### **Sampel Ujian Persepsi**

Selain penelitian terhadap korpus, penelitian ini juga dilakukan dengan perspektif persepsi. Kajian ini hanya dilakukan oleh pihak Indonesia. Data dikumpulkan dengan cara menyebarkan borang soal selidik. Teknik ini dianggap lebih tepat kerana pertanyaan yang diajukan dalam soal selidik ialah peristilahan dalam bidang ekonomi untuk kalangan mahasiswa dan pensyarah di fakulti ekonomi. Istilah yang ditanyakan ialah istilah hasil MABBIM yang masih berupa naskhah (belum diterbitkan) dan yang memiliki sekurang-kurangnya dua padanan Indonesia sama ada terjemahan ataupun serapan). Disebabkan tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui keberterimaan istilah bidang ekonomi yang dihasilkan MABBIM dalam kalangan mahasiswa dan pensyarah ekonomi, berbagai-bagai terbitan, baik yang berupa akhbar, majalah, tabloid, jurnal, atau kamus tidak dijadikan sumber data. Ini bermakna bahawa sumber data tersebut tidak diangkat sebagai data, tetapi hanya digunakan sebagai perbandingan. Selanjutnya, kaedah ini juga digunakan untuk menyaring data responden terhadap keberterimaan istilah, terutama ciri istilah itu sendiri, seperti, ketepatan makna, keringkasan bentuk, dan kesedaran bunyinya. Selain itu, kaedah ini juga untuk menyaring penilaian dan sikap responden terhadap istilah ekonomi yang dikemukakan. Pernyataan yang berkenaan dengan pencirian istilah ekonomi dan alasan penerimaan atau penolakan istilah tersebut juga digabungkan dalam kaedah ini.

Dari senarai istilah ekonomi hasil MABBIM kemudian dipilih sebanyak 40 istilah yang mempunyai pasangan sinonim sekurang-kurangnya dua istilah sama ada yang berbentuk terjemahan ataupun serapan. Pertanyaan yang diajukan dalam soal selidik terdiri daripada empat kelompok, iaitu data peribadi responden, sejauh mana masyarakat mengenal istilah ekonomi hasil MABBIM, penilaian masyarakat menggunakan istilah dalam bidang ekonomi dalam bahasa Indonesia, dan keberterimaan sejumlah pasangan sinonim istilah ekonomi hasil MABBIM.

Dalam kajian ini terdapat dua jenis pemboleh ubah, iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah tidak bebas atau terikat. Pemboleh ubah bebas (yang mempengaruhi pemboleh ubah lain) dalam kajian ini adalah seperti faktor sosial responden, seperti jenis jantina, latar belakang bahasa ibunda, umur, tahap pendidikan, pekerjaan, dan tempoh lamanya responden berkecimpung dalam bidang ekonomi. Sementara itu, pemboleh ubah terikat dalam kajian ini ialah kecenderungan dan keyakinan atau sikap responden terhadap istilah Indonesiannya.

## **Persampelan**

Kajian ini memilih subjek atau responden mahasiswa fakulti ekonomi dan pensyarah fakulti ekonomi di pelbagai institusi perguruan tinggi swasta di Jakarta. Mahasiswa atau pensyarah fakulti ekonomi, yang dijadikan sampel dalam kajian ini berada di perguruan tinggi negeri dan swasta. Akan tetapi, apabila sampai ke peringkat akhir pengumpulan borang soal selidik, ternyata, borang yang dihantar ke universiti negeri tidak dikembalikan kerana berbagai-bagai alasan. Akhirnya, hanya mahasiswa dan pensyarah dari universiti swasta yang terkemuka di Jakarta yang dijadikan subjek dalam kajian ini.

Dalam kajian ini jumlah ideal subjek atau responden yang perlu dipilih adalah sebanyak 360 responden yang mewakili enam pemboleh ubah sosial responden, iaitu jenis jantina, latar belakang bahasa ibunda, umur, tahap pendidikan, pekerjaan, dan tempoh lamanya berkecimpung dalam bidang ekonomi. Walau bagaimanapun hanya 96 borang dapat diagihkan dan daripada jumlah tersebut hanya 75 borang yang dikembalikan. Daripada 75 borang soal selidik itu pula, hanya 71 borang sahaja yang memenuhi syarat dan dianggap sah untuk digunakan sebagai data.

## **Analisis Data**

### **Analisis Data Korpus**

Analisis terhadap korpus bertujuan untuk melihat apakah istilah perbankan yang dihasilkan oleh MABBIM digunakan oleh pengguna dalam bidang ini. Istilah ini boleh dikesan terutamanya dalam bahan bercetak. Selain itu, analisis ini juga bertujuan untuk mengetahui sejauh mana mereka mengetahui kewujudan istilah-istilah tersebut dan sebanyak mana istilah MABBIM tersebut digunakan dalam media cetak. Sekiranya istilah tersebut digunakan, sejauh mana pula penggunaannya, dan apakah usaha yang boleh dilakukan untuk memperbaikinya. Sebaliknya, apabila istilah MABBIM tidak digunakan, maka perlulah dilakukan kajian untuk mengetahui mengapa istilah-istilah tersebut tidak diterima pakai dan selanjutnya difikirkan usaha atau cadangan untuk mengatasinya.

### **Malaysia**

Jawatankuasa Penyelidikan Malaysia menyaring data korpus dari teks berkaitan bidang perbankan daripada buku, majalah, akhbar dan juga bahan efemeral yang diproses untuk menghasilkan senarai kata. Daripada senarai tersebut, istilah bidang perbankan dipilih dan dikelompokkan mengikut kategori tertentu. Istilah ini kemudiannya dibandingkan dengan istilah MABBIM dan juga istilah terbitan DBP untuk menentukan adakah terdapat pengguna memanfaatkan istilah MABBIM dan istilah terbitan DBP yang belum disahkan di peringkat MABBIM.

Daripada analisis yang dilakukan, sebahagian besar institusi perbankan menggunakan istilah yang disepakati pada peringkat MABBIM. Daripada korpus teks sebesar 2.6 juta token dengan jumlah perkataan, istilah dan kata umum sekitar 33 800 diperoleh 326 istilah perbankan. Istilah ini kemudiannya dibandingkan dengan istilah yang terdapat dalam kumpulan istilah yang dihasilkan oleh MABBIM. Oleh sebab data korpus Malaysia sangat besar, pengolahan dan pembandingannya dengan daftar istilah MABBIM dilakukan dengan menggunakan capaian konkordans.

### **Indonesia**

Korpus yang digunakan oleh Komisi Penelitian Indonesia memang tidak sebanyak korpus yang dikumpulkan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Malaysia. Komisi Penelitian Indonesia

berhasil mengumpulkan data 699 801 token dengan menggunakan fail format TXT daripada pangkalan data yang ada. Pangkalan data itu berukuran 10.152 KB. Pengolahan data dilakukan dengan menggunakan capaian konkordans yang direka khusus oleh kumpulan penyelidik dengan menggunakan perisian Quick Basic versi 4.5.

### ***Brunei Darussalam***

Jawatankuasa Penyelidikan Brunei Darussalam mengolah data dengan cara membandingkan data dalam daftar istilah yang disepakati oleh MABBIM dengan istilah yang digunakan dalam kajian lapangan. Tujuannya adalah untuk melihat apakah ada kesamaan istilah untuk konsep tertentu dalam penggunaan istilah di institusi perbankan dengan istilah yang disepakati oleh pakar MABBIM. Cara pengolahan data ini memang sederhana, tetapi dianggap sudah memadai kerana kecilnya jumlah korpus yang diperoleh semasa kajian lapangan.

## **Analisis Data Persepsi**

### ***Indonesia***

Pengolahan data yang telah terkumpul dalam soal selidik dikelompokkan berdasarkan klasifikasi yang ditentukan terlebih dahulu kemudian dinyatakan kuantitinya. Data yang berupa penilaian diberi skor berdasarkan ukuran nilai masing-masing. Skor yang diperoleh kemudian dimasukkan ke dalam jadual dan diolah secara statistik dengan pengujian hasil analisis menggunakan ujian T, analisis varians (ANOVA), dan ujian korelasi *Pearson Product Moment* (PPM). Prosedur analisis atau pengolahan data dilakukan melalui beberapa tahap.

Borang soal selidik yang dikembalikan disemak dan kemudiannya ditentukan sama ada memenuhi syarat atau tidak. Pengisian borang soal selidik yang tidak memenuhi syarat dikeluarkan dari pengiraan data. Skor jawapan daripada setiap responden dikira berdasarkan pemboleh ubah yang ditetapkan. Setelah itu, skor jawapan dipilih dan diklasifikasikan sesuai dengan pemboleh ubah yang telah ditetapkan. Setelah diklasifikasikan, skor tersebut dipersembahkan dalam bentuk jadual. Seterusnya, pengiraan nilai secara statistik dengan menggunakan ujian T, analisis varians (ANOVA), dan ujian korelasi dilakukan. Untuk ketiga-tiga ujian tersebut digunakan perisian Microsoft Excel 2000 dan SPSS versi 12.

Ujian ANOVA digunakan untuk mengetahui kesignifikanan perbezaan indeks antara tiga kelompok atau lebih. Jika hanya terdiri daripada dua kelompok, ujian T digunakan. Dalam kajian ini kedua-dua ujian statistik tersebut digunakan untuk mengukur kesignifikanan perbezaan sikap, penerimaan istilah Indonesia dan penilaian istilah oleh responden berdasarkan pemboleh ubah kajian. *Pearson Product Moment* (PPM) digunakan untuk mengetahui wujudnya korelasi antara indeks keberterimaan istilah dengan ketepatan makna, keringkasan bentuk, dan kesedapan bunyi istilah terjemahan dan serapan.

Hasil ujian statistik dianggap signifikan jika nilai kesignifikanannya lebih kecil atau sama dengan 0.05. Ujian statistik yang mencapai taraf kesignifikanan 0.05 menunjukkan perbezaan yang signifikan. Taraf kesignifikanan 0.01 bererti sangat signifikan (Sudjana, 1989:230). Sebanyak 18 soalan yang berkaitan dengan kelompok sikap iaitu yang meliputi kecenderungan dan keyakinan responden terhadap istilah Indonesia. Julat skala adalah 1 – 3. Skala 3 menunjukkan nilai untuk pendapat setuju, skala 2 pula menunjukkan nilai pendapat ragu-ragu, manakala skala 1 menunjukkan nilai untuk pendapat tidak setuju.

Daripada senarai istilah ekonomi hasil MABBIM, sebanyak 40 istilah yang mempunyai sekurang-kurangnya dua padanan istilah yang bersinonim sama ada dalam bentuk terjemahan ataupun serapan telah dipilih. Pertanyaan yang diajukan dalam soal selidik terdiri daripada empat kelompok, iaitu data peribadi responden, sejauh mana masyarakat mengenal istilah ekonomi hasil MABBIM, penilaian masyarakat dalam menggunakan istilah dalam bidang ekonomi dalam bahasa Indonesia, dan penerimaan istilah yang bersinonim.

Dalam kajian ini terdapat dua jenis pemboleh ubah, iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah tidak bebas. Pemboleh ubah bebas ialah pemboleh ubah yang boleh mempengaruhi pemboleh ubah lain seperti faktor sosial responden, misalnya jantina, latar belakang bahasa ibunda responden, usia, tahap pendidikan, pekerjaan, dan tempoh responden berkecimpung dalam bidang ekonomi. Sementara itu, pemboleh ubah tidak bebas dalam kajian ini ialah kecenderungan dan keyakinan atau sikap responden terhadap istilah Indonesia.

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, kajian di Indonesia tertumpu kepada keberterimaan istilah ekonomi dalam bidang pendidikan. Ruang lingkup kajian ini juga akan disesuaikan dengan tujuan kajian, yakni melihat apakah istilah ekonomi hasil MABBIM diterima dalam kalangan mahasiswa dan pensyarah. Istilah yang akan dijadikan sampel hanya sebanyak 40 istilah yang memiliki pasangan padanan lebih daripada satu, baik yang berupa terjemahan mahupun yang berupa serapan. Selain itu, sebanyak 20 istilah sampel yang juga memiliki pasangan padanan lebih daripada satu, juga digunakan dalam kajian ini. Istilah tersebut merupakan istilah terjemahan atau istilah serapan dari satu istilah bahasa sumber yakni bahasa Inggeris. Keseluruhannya, sebanyak 60 istilah yang memiliki pasangan padanan lebih daripada satu akan dijadikan sampel dalam kajian ini.

Kajian ini mengambil subjek atau responden mahasiswa dan pensyarah fakulti ekonomi di beberapa pengajian tinggi swasta di Jakarta. Menurut perancangan, mahasiswa dan pensyarah fakulti ekonomi yang akan dijadikan sampel dalam kajian ini terdiri daripada mahasiswa dan pensyarah dari institut pengajian tinggi awam dan swasta. Walau bagaimanapun, sehingga selesai pengumpulan borang soal selidik, tiada borang soal selidik daripada institusi pengajian awam yang diperoleh. Ini menyebabkan hanya soal selidik daripada mahasiswa dan pelbagai kelompok institut pengajian tinggi swasta yang terkenal dan terkemuka di Jakarta sahaja yang dijadikan sampel data.

Dalam kajian ini jumlah subjek atau responden yang wajar dipilih adalah sebanyak  $2 \times 2 \times 3 \times 2 \times 5 \times 3 = 360$  responden yang mewakili enam pemboleh ubah sosial responden berdasarkan perkiraan rawak iaitu:

- i. Jenis jantina (2 kategori)
- ii. Umur (2 kategori)
- iii. Pendidikan (3 kategori)
- iv. Pekerjaan (2 kategori)
- v. Latar belakang bahasa ibunda pertama (5 kategori)
- vi. tempoh berkecimpung dalam bidang Ekonomi (3 kategori).

Walau bagaimanapun hanya 96 borang dapat diagihkan dan daripada jumlah itu hanya 75 borang yang dikembalikan. Daripada 75 borang soal selidik itu, hanya 71 borang sahaja yang memenuhi syarat dan dianggap sah untuk digunakan sebagai data.

### **Dapatan Kajian**

Hasil daripada analisis data berkenaan keberterimaan istilah MABBIM dalam bidang ekonomi daripada ketiga-tiga buah negara anggota memperlihatkan sejauh mana keberterimaan istilah yang disepakati oleh MABBIM dalam bidang ekonomi, sama ada keberterimaan istilah dalam korpus dan juga dalam persepsi pengguna. Selain itu, hasil analisis data juga telah mendapati bahawa terdapat faktor penentu keberterimaan istilah, korelasi keberterimaan dengan ciri istilah, istilah yang tiada dalam daftar istilah MABBIM dan istilah yang tidak selaras.

### **Keberterimaan Istilah dalam Korpus**

Sungguhpun sasaran kajian adalah berbeza di setiap negara anggota, namun tujuannya adalah sama iaitu mengkaji keberterimaan istilah MABBIM dalam bidang ekonomi/perbankan. Indonesia memfokuskan penelitian khusus kepada pensyarah dan mahasiswa dalam bidang ilmu perekonomian, Malaysia pula mengkhususkan kajian terhadap bahan terbitan yang dihasilkan oleh institusi kewangan, di samping bahan daripada data korpus, manakala Brunei Darussalam hanya tertumpu pada kajian institusi perbankan.

Pihak Brunei hanya memfokuskan kajian keberterimaan istilah terhadap institusi perbankan kerana jika disasarkan kepada pensyarah dan mahasiswa, didapati bahawa tiada sumber yang boleh digunakan atau dianalisis. Hal ini disebabkan kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar dalam pengajaran bidang ilmu ekonomi di universiti atau institusi pengajian tinggi di Brunei. Selain itu, sumber bacaan atau rujukan dalam bahasa Melayu seperti buku, majalah, jurnal dan sebagainya yang digunakan oleh mahasiswa atau pensyarah di Brunei Darussalam lebih bergantung kepada bahan terbitan dari Indonesia dan Malaysia. Malah, tiada majalah khusus bagi bidang ekonomi atau perbankan di Brunei Darussalam. Oleh yang demikian, bidang perbankan dipilih dalam kajian ini kerana pihak institusi perbankan lebih banyak atau sentiasa berhubung atau berurusan dengan masyarakat pengguna terutama melalui risalah dan borang dalam bahasa Melayu. Selain itu, adalah wajar pihak Brunei menggunakan institusi perbankan yang ada di negara ini kerana bank-bank mewakili bidang perekonomian secara meluas di negara ini.

Di Brunei Darussalam, daripada sepuluh buah bank yang ada di negara ini, iaitu Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB), Bank Baiduri Berhad, Bank Islam Brunei (IBB), Perbadanan Bank Hong Kong dan Shanghai (HSBC), Bank RHB Berhad, Citibank, Malayan Banking Berhad, United Overseas Bank Berhad, Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Standard Chartered, hanya empat buah bank yang memberikan kerjasama dalam kajian ini, iaitu IDBB, Bank Baiduri Berhad, IBB dan HSBC.

Jumlah istilah yang tersenarai ialah 117 istilah atau 9.5% daripada jumlah keseluruhan istilah MABBIM yang tersenarai iaitu sebanyak 1 233 istilah. Walau bagaimanapun, setelah ditolak istilah yang ada gandanya maka hanya 76 istilah atau 6.16% yang digunakan oleh semua bank.

Pihak Malaysia pula memilih data daripada semua sumber teks bidang ekonomi khususnya perbankan yang diterbitkan dalam pelbagai bentuk terbitan seperti buku, majalah, akhbar dan bahan efemeral yang diproses untuk menghasilkan suatu senarai kata. Bahan

tersebut diproses menggunakan sistem MATA (sistem analisis teks bahasa Melayu). Sistem ini menghasilkan senarai kata yang terkandung di dalam bahan tersebut. Daripada senarai kata yang terhasil, pengkaji mengenal pasti dan menyenaraikan istilah perbankan yang dipakai dalam teks tersebut. Senarai istilah perbankan yang dikenal pasti dibandingkan pula dengan senarai istilah yang terdapat dalam *Daftar Istilah MBIM* dan *Daftar Istilah MABBIM* yang telah diterbitkan.

Bagi Indonesia pula, sebanyak 40 pasang istilah ekonomi MABBIM hasil pemadanan istilah-istilah ekonomi dalam bahasa asing ke dalam bahasa Indonesia telah dijadikan sampel.

Istilah yang digunakan sebagai sampel baik yang berupa terjemahan mahupun serapan berjumlah sebanyak 40 istilah. Istilah-istilah tersebut dipilih secara rawak berdasarkan istilah yang mempunyai minimal dua istilah yang berpadanan dalam bahasa Indonesia.

### **Keberterimaan Istilah dalam Persepsi Pengguna**

Jika dilihat dari segi keseragaman pengguna istilah, sebahagian besar responden menggunakan istilah secara tidak seragam. Hanya dua istilah yang digunakan secara seragam melalui terjemahan, iaitu pertanyaan nombor 3 hambatan masuk (terjemahan *barriers to entry*) dan pertanyaan nombor (36) persaingan internasional (terjemahan *international competition*). Kedua-dua istilah seragam tersebut digunakan oleh 71 responden (100%).

Terdapat sebanyak 14 istilah lain (selain istilah yang berpasangan) digunakan oleh sejumlah responden. Istilah yang dimaksudkan itu ialah *penyusutan* dan *penyusutan nilai obligasi* untuk padanan istilah asing *amortization* (pertanyaan nombor 1). Istilah tersebut digunakan oleh dua responden (2.81%). Istilah lain yang digunakan selain yang berpasangan adalah *modal aset* untuk padanan *capital asset* (pertanyaan nombor 6). Istilah tersebut digunakan oleh dua responden (2.81%). Selain itu, istilah *konsumsi tidak jelas* untuk padanan *conspicuous consumption* (pertanyaan nombor 100) digunakan oleh seorang responden sahaja (1.40%). Istilah *dasar konsumsi* yang merupakan istilah lain bagi *credit rationing* (pertanyaan nombor 11) juga digunakan oleh seorang responden (1.40%) sahaja. Manakala istilah *rasio kredit* yang merupakan padanan istilah lain bagi *credit rationing* (pertanyaan nombor 12) digunakan oleh tiga responden (4.23%). Bagi istilah *pertukaran mata uang* bagi padanan istilah asing *currency substitution* (pertanyaan nombor 14) pula hanya digunakan oleh seorang responden (1.40%).

Padanan istilah Indonesia bagi *dichotomization of the pricing process* (pertanyaan nombor 19) ialah *pendikotomian* dan *proses penetapan harga*. Walau bagaimanapun terdapat tiga istilah lain yang digunakan oleh empat responden (5.63%). Istilah tersebut ialah *dikotomisasi penetapan harga*, *proses pendikotomian harga* dan *pendikotomian proses penetapan harga*.

Sebanyak tiga istilah lain juga digunakan oleh empat responden (5.63%) untuk padanan istilah asing *domestic resource cost* (pertanyaan nombor 22). Istilah lain yang dimaksudkan adalah *biaya sumber daya domestik*, *harga sumber daya domestik*, dan *biaya daya domestik*.

Istilah asing *fair trade* (pertanyaan nombor 29) mempunyai dua padanan dalam istilah Indonesia, iaitu *perdagangan jujur* dan *perdagangan waja*. Walau bagaimanapun terdapat seorang responden (1.40%) yang menggunakan istilah lain iaitu *perdagangan adil*.

Istilah asing *foreign exchange management* (pertanyaan nombor 30) mempunyai padanan *manajemen valas* dan *pengelolaan valuta asing* dalam bahasa Indonesia. Walau bagaimanapun terdapat dua 2 responden (2,81%) menggunakan istilah lain iaitu *pengelolaan manajemen valuta asing*.

Istilah asing *full-cost pricing* (pertanyaan nombor 32) diberi padanan *penetapan harga kos penuh* dan *harga kos penuh* dalam bahasa Indonesia. Walau bagaimanapun terdapat tiga responden (4.22%) menggunakan istilah lain, iaitu *penetapan harga pokok penuh*, *penetapan harga biaya penuh*, dan *penentuan harga biaya penuh*.

Sebanyak enam responden (8.45%) menggunakan istilah lain bagi padanan istilah asing *futures market* (pertanyaan nombor 33). Tiga istilah lain yang dimaksudkan itu ialah *pasar masa depan*, *pasar berjangka*, dan *masa depan pasar*. Sementara itu, istilah Indonesia MABBIM pula memilih *pasaran ke depan* dan *pasar ijon* untuk padanan *future market*.

Istilah asing *inelastic demand* (pertanyaan nombor 35) diberi padanan istilah dalam bahasa Indonesia iaitu *permintaan tak anjal* dan *permintaan inelastis*, tetapi terdapat seorang responden (1.40%) telah menggunakan istilah lain, iaitu *permintaan tidak elastis*. Akhir sekali istilah asing *money illusion* (pertanyaan nombor 40) telah dipadankan dengan *khayalan uang* dan *tipuan wang*. Walau bagaimanapun terdapat tiga responden (4.22%) menggunakan istilah lain, iaitu *uang khayalan*, *penipuan uang*, dan *uang tak nyata*.

### **Sikap Responden Menurut Pemboleh Ubah Sosial**

Pemboleh ubah sosial ini merangkumi sikap terhadap istilah, berdasarkan jenis jantina, kelompok umur, tahap pendidikan, pekerjaan, latar belakang bahasa ibunda/pertama dan lamanya berkecimpung dalam bidang ekonomi.

### **Sikap Mahasiswa dan Pensyarah Terhadap Istilah Indonesia**

Yang dimaksudkan sikap dalam kajian ini adalah keadaan internal seseorang yang ditimbulkan oleh stimulus dan menjadi perantara bagi reaksi atau respons; sikap seseorang dapat diketahui melalui keyakinan, pendapat, dan penilaiannya terhadap suatu objek (dalam hal ini istilah Indonesia) (William, 1974) dan (Fasold, 1984/1987).

Kajian ini menggunakan enam pemboleh ubah bebas, iaitu pemboleh ubah jenis jantina, kelompok umur, pendidikan, pekerjaan, latar belakang bahasa pertama/bahasa ibunda, dan tempoh lama berkecimpung dalam bidang ekonomi.

### **Sikap Responden Berdasarkan Jenis Jantina**

Responden kajian ini berjumlah 71 orang yang terdiri daripada responden laki-laki 28 orang dan responden perempuan 43 orang. Bagaimanakah sikap responden laki-laki dan perempuan? Apakah jenis jantina menjadi faktor membezakan sikap mereka terhadap istilah Indonesia?.

Seramai 28 responden laki-laki dan 43 responden perempuan telah dipilih dalam kajian ini. Apakah perbezaan jumlah responden ini signifikan? Untuk menguji perbezaan tersebut, dapat dilihat daripada nilai kesignifikannya. Dikatakan signifikan jika nilai kesignifikannya lebih kecil atau sama dengan 0.05. Untuk melihat signifikan atau tidak, jadual ujian T telah digunakan dan memperlihatkan bahawa pada nilai T-data 1.304 dengan nilai kesignifikan adalah 0.197. Disebabkan nilai signifikan 0.197 atau lebih besar daripada 0.05, maka perbezaan jenis jantina sama ada laki-laki dan perempuan memiliki sikap yang sama terhadap istilah Indonesia. Dengan yang demikian, perbezaan sikap antara laki-laki dan

perempuan adalah tidak signifikan. Nilai purata sikap untuk laki-laki adalah 2.240 dan perempuan pula adalah 2.164. Ini menunjukkan nilai purata sikap laki-laki lebih tinggi daripada nilai purata sikap perempuan. Meskipun demikian, nilai-nilai tersebut memperlihatkan sikap yang positif kerana nilai itu berada di atas 1.50 bahkan di atas nilai 2.00.

### **Sikap Responden Berdasarkan Kelompok Umur**

Apakah perbezaan kelompok umur juga mempunyai kemungkinan mempengaruhi perbezaan penilaian mereka terhadap Indonesia? Kelompok umur dalam penelitian ini dikelompokkan menjadi dua kelompok, iaitu kelompok umur 25 tahun atau kurang (kelompok 1) dan kelompok 25 tahun ke atas (kelompok 2). Jadual berikut memperlihatkan hasil kajian penilaian mereka terhadap istilah Indonesia berdasarkan kelompok umur.

Responden kelompok umur (1) berjumlah 57 orang dan responden kelompok umur (2) berjumlah 14 orang. Jika dilihat nilai puratanya, nilai purata sikap kelompok umur (2) lebih tinggi daripada nilai purata kelompok umur (1). Nilai purata kelompok 50 tahun ke atas (kelompok 2) ialah 2.2301. Ini bermakna bahawa kedua-duanya memiliki sikap yang positif terhadap istilah Indonesia kerana nilai puratanya berada di atas 1.50. Untuk melihat apakah perbezaan tersebut signifikan, diuji dengan ujian T dan diperoleh T-data 0.504 dengan nilai kesignifikanan berjumlah 0.621. Nilai tersebut masih lebih besar daripada 0.05. Dengan yang demikian, perbezaan sikap antara kelompok umur (1) dan kelompok umur (2) adalah tidak signifikan.

### **Sikap Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan**

Pemboleh ubah tahap pendidikan dalam penelitian dibahagi menjadi tiga, iaitu responden yang berpendidikan SMU/Diploma (Kelompok 1), responden berpendidikan sarjana/S1 (kelompok 2) dan kelompok S2/S3 (kelompok 3).

### **Sikap Responden Berdasarkan Pekerjaan**

Pemboleh ubah pekerjaan dikelompokkan menjadi dua kelompok, iaitu responden sebagai mahasiswa (kelompok 1) dan responden yang pekerjaannya sebagai pensyarah (kelompok 2). Kedua-dua kelompok responden tersebut mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang ekonomi atau berkhidmat di fakulti ekonomi di universiti yang ada di Jakarta. Jumlah responden kelompok pekerjaan mahasiswa (kelompok 1) sebanyak 51 orang, dan jumlah responden kelompok pensyarah (kelompok 2) sebanyak 20 orang. Nilai purata masing-masing adalah 2.1830 dan 2.2222. Kedua nilai purata berada di atas nilai 1.50 bahkan di atas 2.00. Ini menunjukkan bahawa mahasiswa dan pensyarah memiliki sikap yang sama, yakni positif terhadap istilah Indonesia. 2.0. Untuk melihat signifikan ataupun tidaknya perbezaan tersebut, Ujian T dilakukan dan nilai kesignifikanan yang diperoleh ialah .548. Disebabkan nilai tersebut lebih besar daripada 0.05, maka perbezaan tersebut adalah tidak signifikan.

### **Sikap Responden Berdasarkan Latar Belakang Bahasa Ibunda/Pertama**

Sejumlah 71 responden yang terpilih didapati terdiri daripada pelbagai latar belakang bahasa ibunda. Sebanyak 21 responden mempunyai latar belakang bahasa ibunda bahasa Jawa, lapan orang mempunyai latar belakang bahasa ibunda bahasa Sunda, 27 orang berlatarbelakangkan bahasa ibunda bahasa Melayu/Indonesia, dua orang berlatarbelakangkan bahasa ibunda bahasa Batak, enam orang berlatarbelakangkan bahasa ibunda bahasa Mandarin, lima orang berlatarbelakangkan bahasa ibunda bahasa Minang, seorang mempunyai latar belakang ibunda bahasa Palembang, dan seorang berlatarbelakangkan bahasa ibunda bahasa Manado. Responden yang mempunyai latar belakang bahasa ibunda tersebut kemudiannya



dikelompokkan menjadi lima kelompok seperti yang berikut.

Kelompok (1) sebanyak 27 responden berbahasa ibunda bahasa Melayu/Indonesia, kelompok (2) sebanyak 22 responden berbahasa ibunda bahasa Jawa, kelompok (3) sebanyak 4 responden berbahasa ibunda bahasa Sunda, kelompok (4) sebanyak 2 responden berbahasa ibunda bahasa Batak, dan kelompok (5) sebanyak 16 responden berbahasa ibunda selain bahasa-bahasa yang dinyatakan di atas. Taburan sikap berdasarkan bahasa responden ditunjukkan dalam Jadual 3.7.

Nilai purata sikap untuk kelompok bahasa Melayu/Indonesia adalah 2.1420, nilai purata untuk kelompok bahasa Jawa adalah 2.2020, nilai purata untuk kelompok bahasa Sunda adalah 2.3194, nilai purata untuk kelompok bahasa Batak adalah 2.7820, dan nilai purata untuk kelompok bahasa lain adalah 2.2569. Secara umumnya, nilai purata seluruh kelompok berada di atas 1.500. Untuk mengetahui signifikan atau tidaknya perbezaan nilai purata tersebut, maka dilakukan ujian ANOVA. Hasilnya memperlihatkan bahawa taraf kesignifikannya adalah 0.671. Disebabkan nilai kesignifikanan lebih besar daripada 0.05, maka perbezaan bahasa itu adalah tidak signifikan.

### **Sikap Responden Berdasarkan Lamanya Tempoh Berkecimpung dalam Bidang Ekonomi**

Pemboleh ubah waktu atau lamanya tempoh responden berkecimpung dalam bidang ekonomi dikelompokkan menjadi 3 kelompok, iaitu kelompok (1) 5 tahun atau kurang, kelompok (2) 6-10 tahun, dan kelompok (3) lebih dari 10 tahun.

Tempoh lama seseorang responden berkecimpung dalam bidang ekonomi dikelompokkan kepada tiga kelompok, iaitu kelompok 1 bagi tempoh 5 tahun atau kurang dari 5 tahun yang berjumlah sebanyak 50 orang, kelompok 2 bagi tempoh 6-10 tahun yang berjumlah sebanyak 15 responden, dan kelompok 3 bagi tempoh yang melebihi 10 tahun yang berjumlah 6 responden.

Setiap kelompok mempunyai nilai purata yang tidak sama. Nilai kesignifikanan kelompok 1 ialah 2.1900, kelompok 2 berjumlah 2.2333, dan kelompok 3 pula berjumlah 2.1296. Nilai purata ketiga-tiga kelompok tersebut adalah berada di atas 1.500. Ini bermakna, nilai itu masih menunjukkan sikap yang positif. Untuk melihat signifikan atau tidak perbezaan tersebut perlu lebih besar daripada 0.05. Ini bermakna, tidak ada perbezaan yang signifikan antara masa atau lama berkecimpung dalam bidang ekonomi antara ketiga-tiga kelompok tersebut.

### **Sikap Responden Menurut Ciri Istilah**

Tajuk ini akan menghuraikan keberterimaan istilah ekonomi berdasarkan ciri istilah, iaitu ketepatan makna, keringkasan bentuk dan kesedapan bunyi oleh responden menurut pemboleh ubah jenis jantina, umur, pendidikan, pekerjaan, latar belakang bahasa pertama, dan lamanya berkecimpung dalam bidang ekonomi.

### **Keberterimaan Istilah Berdasarkan Ketepatan Makna, Keringkasan Bentuk, dan Kesedapan Bunyi oleh Mahasiswa dan Pensyarah Menurut Jenis Jantina**

Istilah ekonomi dalam kajian ini dikelompokkan menjadi dua kelompok, iaitu istilah terjemahan (T) dan istilah serapan (S). Untuk lebih jelas lagi, nilai keberterimaan istilah berdasarkan ketepatan makna (KetT) dan (KetS), keringkasan bentuk (KerT) dan (KerS), dan kesedapan bunyi (KesT) dan (KesS) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.9 hingga 3.17.

Ditunjukkan bahawa perbezaan jenis jantina antara laki-laki dan perempuan untuk keberterimaan istilah berdasarkan ketepatan makna, keringkasan bentuk, dan kesedapan bunyi, baik bentuk istilah terjemahan mahupun istilah serapan adalah tidak signifikan. Hasil itu terbukti dari pengiraan nilai yang diperoleh dari kiraan Ujian T, iaitu nilai kesignifikanan yang diperoleh semuanya lebih besar daripada 0.05. Dengan yang demikian, menurut perbezaan jenis jantina laki-laki dan perempuan, keberterimaan istilah berdasarkan lapan unsur tersebut adalah tidak signifikan.

### **Keberterimaan Istilah Berdasarkan Ketepatan Makna, Keringkasan Bentuk, dan Kesedapan Bunyi oleh Mahasiswa dan Pensyarah Menurut Umur**

Keberterimaan istilah berdasarkan ketepatan makna, keringkasan bentuk, dan kesedapan bunyi yang dikaji melalui soal selidik kepada mahasiswa dan pensyarah mengikut umur menggunakan dua pemboleh ubah yang dikelompokkan menjadi dua kelompok iaitu kelompok 1 adalah responden yang berumur 25 tahun atau kurang dan kelompok 2 bagi responden yang berumur 26 tahun ke atas.

Jumlah umur responden yang berumur 25 tahun dan kurang (kelompok 1) adalah 57 orang dan responden yang berumur 26 tahun ke atas ialah 14 orang. Nilai purata untuk keberterimaan istilah adalah berdasarkan ketepatan makna, keringkasan bentuk, dan kesedapan bunyi bagi dua kelompok tersebut adalah di atas 2.00 dan hanya satu, iaitu keberterimaan istilah untuk kesedapan bunyi nilai puratanya kurang dari 2.00. Nilai purata itu diperoleh oleh kelompok 1. Untuk melihat signifikan atau tidaknya perbezaan tersebut, Ujian T dilakukan dan nilai tersebut adalah di atas 0.05. Oleh yang demikian, perbezaan tersebut adalah tidak signifikan. Pada ciri istilah ketepatan makna serapan (ketS) ditunjukkan bahawa nilai puratanya sama dengan 0.05. Oleh itu, nilai purata ketepatan makna istilah serapan tersebut adalah signifikan.

### **Keberterimaan Istilah Berdasarkan Ketepatan Makna, Keringkasan Bentuk, dan Kesedapan Bunyi oleh Mahasiswa dan Pensyarah Mengikut Pendidikan.**

Pendidikan responden dikelompokkan menjadi tiga kelompok iaitu kelompok 1 bagi SMU/Diploma, kelompok 2 bagi Sarjana/S1 dan kelompok 3 bagi S2/magister dan S3/doktor. Berikut ini adalah jadual keberterimaan istilah berdasarkan keberterimaan terjemahan, keberterimaan serapan, ketepatan makna terjemahan, ketepatan makna serapan, keringkasan bentuk terjemahan, keringkasan bentuk serapan, kesedapan bunyi terjemahan, dan kesedapan bunyi serapan.

Untuk keberterimaan istilah terjemahan (T) menurut tahap pendidikan, nilai purata pada kelompok SMU/Diploma adalah 2.517 dan nilai purata pada kelompok sarjana/S1 adalah 2.431, dan nilai purata pada kelompok S2/S3 adalah 2.483. Nilai-nilai purata ketiga kelompok tersebut berada di atas 1.500. bahkan berada di atas nilai 2.00. Ini bermakna, istilah terjemahan itu dianggap diterima.

Keberterimaan Istilah Berdasarkan Ketepatan Makna, Keringkasan Bentuk, dan Kesedapan Bunyi oleh Mahasiswa dan Pensyarah Menurut Status Pekerjaan

### **Pemboleh Ubah Pekerjaan Responden Dikelompokkan Menjadi Dua Kelompok, iaitu Kelompok 1 Adalah Mahasiswa dan Kelompok 2 Adalah Pensyarah.**

Secara keseluruhannya, perbezaan antara pekerjaan responden, iaitu mahasiswa seramai 51 orang manakala pensyarah pula seramai 20 orang. Perbezaan pekerjaan antara mahasiswa dan pensyarah untuk keberterimaan istilah berdasarkan ketepatan makna, keringkasan bentuk, dan kesedapan bunyi, sama ada untuk istilah terjemahan ataupun istilah serapan adalah tidak

signifikan. Hal itu terbukti berdasarkan nilai yang diperoleh dari pengiraan dalam Ujian T yang dilakukan. Nilai kesignifikanan yang diperoleh semuanya lebih besar daripada 0.05. Jika dilihat nilai purata untuk semua unsur, nilai tersebut berada di atas nilai 2.00. Hasil tersebut menunjukkan bahawa berdasarkan pekerjaan responden, istilah Indonesia, baik yang berupa terjemahan ataupun serapan adalah diterima.

### **Keberterimaan Istilah Berdasarkan Ketepatan Makna, Keringkasan Bentuk, dan Kesedapan Bunyi oleh Mahasiswa dan Pensyarah Menurut Latar Belakang Bahasa Ibunda/Pertama**

Pemboleh ubah latar belakang bahasa pertama/bahasa ibunda dikelompokkan menjadi 5 kelompok, iaitu kelompok 1 adalah responden yang berlatarbelakangkan bahasa ibunda bahasa Melayu/Indonesia, kelompok 2 adalah penutur yang berlatarbelakangkan bahasa ibunda bahasa Jawa, kelompok 3 pula bagi responden yang berlatarbelakangkan bahasa ibunda bahasa Sunda. Bagi kelompok 4 pula, untuk responden yang berlatarbelakangkan bahasa ibunda bahasa Batak, kelompok 5 untuk responden yang mempunyai latar belakang bahasa selain kelompok 1 dan 4.

Hasil pengiraan menunjukkan bahawa nilai purata masing-masing, sama ada untuk istilah terjemahan (T) ataupun istilah serapan (S) menunjukkan nilai kesignifikanan adalah lebih besar daripada 0.05. Untuk semua unsur, nilai purata itu menunjukkan berada di atas nilai 2.00. Hasil tersebut menunjukkan bahawa istilah MABBIM Indonesia, baik yang berupa terjemahan ataupun serapan untuk responden yang berlatarbelakangkan bahasa ibunda yang satu dan yang lain dapat diterima.

### **Keberterimaan Istilah Berdasarkan Ketepatan Makna, Keringkasan Bentuk, dan Kesedapan Bunyi oleh Mahasiswa dan Pensyarah Menurut Tempoh Lamanya Berkecimpung dalam Bidang Ekonomi**

Perbezaan tempoh lamanya berkecimpung dalam bidang ekonomi mungkin juga mempengaruhi mereka terhadap keberterimaan istilah MABBIM Indonesia. Pemboleh ubah untuk tempoh lamanya berkecimpung dalam bidang ekonomi dibezakan dengan tiga kelompok iaitu kelompok 1 bagi tempoh 5 tahun/kurang, kelompok 2 bagi tempoh 6 – 10 tahun, dan kelompok 3 bagi tempoh 10 tahun ke atas.

Nilai kesignifikanan dari keseluruhan unsur dapat dilihat dalam Jadual 3.39. Semua unsur menunjukkan nilai kesignifikanannya di atas atau lebih besar 0.05. Oleh sebab itu, keberterimaan untuk perbezaan lamanya tempoh berkecimpung dalam bidang ekonomi berdasarkan ketepatan makna, keringkasan bentuk, ataupun kesedapan bunyi istilah adalah tidak signifikan. Jika dilihat nilai purata untuk semua unsur, nilai tersebut berada di atas nilai 2.0 Ini bermakna semua unsur berterima. Walau bagaimanapun subpemboleh ubah kesedapan bunyi serapan hanya bernilai purata 1.925 untuk responden yang berkecimpung dalam bidang ekonomi selama 5 tahun atau kurang dari 5 tahun dan ini bermakna tidak berterima.

### **Faktor Penentu Keberterimaan Istilah**

Seperti yang diketahui bahawa keberterimaan istilah ekonomi hasil Mabbim disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor tersebut sekali gus merupakan alasan diterima atau tidaknya suatu istilah ekonomi dalam kalangan mahasiswa dan pensyarah. Mereka memiliki alasan yang berbeza-beza.

Alasan yang paling banyak dipilih responden dalam menerima istilah Indonesia adalah disebabkan maknanya sudah tepat dan baku (40.87%), lazim digunakan (39.43%),

bentuknya lebih singkat (7%), dan bunyinya sedap didengar (7%). Dengan demikian, berdasarkan alasan itu, dapat diketahui bahawa istilah ekonomi hasil MABBIM yang maknanya sudah tepat, baku dan lazim digunakan akan mudah diterima oleh kalangan mahasiswa dan pensyarah. Bentuk lebih singkat dan bunyi sedap didengar tampaknya menjadi alasan penerimaan yang tidak terlalu kuat. Ini bermakna masyarakat tidak mementingkan bentuk singkat atau kesedapan bunyi apabila akan menerima istilah Indonesia.

Alasan penolakan terhadap istilah ekonomi yang paling dominan adalah maknanya tidak tepat (23.94%), bentuknya terlalu panjang (28.16%), istilah asing lebih popular (23.94%), dan bunyinya tidak sedap didengar (14.08%). Ketidaktepatan makna merupakan alasan yang paling dominan responden untuk menolak sesuatu istilah. Dengan yang demikian, jika istilah yang tidak tepat maknanya maka akan ditolak oleh mahasiswa dan pensyarah. Untuk bunyi istilah Indonesia yang tidak sedap didengar nampaknya bukanlah menjadi alasan penting untuk menolak sesuatu istilah Indonesia. Ini bermakna, alasan tersebut merupakan urutan terakhir untuk penolakan istilah Indonesia yang berupa terjemahan mahupun serapan.

### **Korelasi Keberterimaan dengan Ciri Istilah**

Untuk menguji apakah keberterimaan istilah memiliki korelasi dengan ciri istilah, digunakan ujian statistik PPM (*Pearson Product Moment*). Hasilnya menunjukkan bahawa keberterimaan istilah terjemahan (KebT) dengan ketepatan makna terjemahan (KetT) adalah 0.000 dengan korelasi yang sangat signifikan, iaitu .795 (\*\*). KebT dengan KerT (Keringkasan bentuk terjemahan) menunjukkan hasil 0.000 dengan korelasi yang sangat signifikan, iaitu .715 (\*\*). KebT dengan KesT (kesedapan bunyi terjemahan) juga menunjukkan hasil 0.000 dengan korelasi yang sangat signifikan, iaitu .740 (\*\*).

Keberterimaan istilah serapan (KebS) dengan ketepatan istilah serapan (KetS) adalah 0.000 dengan korelasi yang sangat signifikan, iaitu .873 (\*\*). KebS dengan keringkasan bentuk serapan (KerS) menunjukkan hasil 0.000 dengan korelasi yang juga sangat signifikan, isitu .863 (\*\*). KebS dengan kesedapan bunyi serapan (KesS) menunjukkan hasil 0.000 dengan korelasi yang sangat signifikan, iaitu .889 (\*\*).

### **Istilah Tiada dalam Daftar Istilah**

Daripada analisis data yang telah dilaksanakan oleh pihak Malaysia didapati bahawa istilah ekonomi yang telah dikenal pasti adalah sebanyak 326 istilah. Istilah yang telah dikenal pasti ini disemak dengan istilah MABBIM dan istilah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Daripada analisis tersebut didapati sebanyak 156 atau 47.8% istilah yang digunakan oleh pengguna tidak terdapat dalam daftar istilah yang diterbitkan oleh MABBIM. Contoh istilah yang tidak terdapat dalam istilah MABBIM ialah:

- i. akad takaful
- ii. aliran pulangan
- iii. amanah saham
- iv. antiinflasi
- v. antilambakan
- vi. bank saudagar
- vii. cagaran
- viii. cukai perkhidmatan
- ix. faraid
- x. harga jualan

- xi. hartanah
- xii. insurans hayat
- xiii. kadar bayaran
- xiv. kawalan modal
- xv. kegawatan ekonomi
- xvi. keuntungan sebelum cukai
- xvii. modal pasaran
- xviii. modal saham berbayar
- xix. muamalat

Setelah dianalisis dengan lebih terperinci didapati bahawa terdapat dua bentuk istilah yang tidak terdapat dalam senarai istilah MABBIM iaitu istilah yang berasal daripada bahasa Arab dan istilah yang digunakan dalam pasaran saham. Senarai istilah yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut.

### **Istilah yang Berasal daripada Bahasa Arab**

Istilah yang ditemui ini kebanyakannya terdapat dalam sistem perbankan Islam, seperti:

- i. akad takaful
- ii. faraid
- iii. kewangan Islam
- iv. muamalat
- v. mudarabah
- vi. munaarfah
- vii. muqharabbin
- viii. murabahah
- ix. musyarakah
- x. takaful

### **Istilah dalam Pasaran Saham**

Dalam pasaran saham, banyak juga istilah yang tidak terdapat dalam istilah MABBIM, seperti:

- i. amanah saham
- ii. harga jualan
- iii. harga tawaran
- iv. harga terbitan
- v. komposit
- vi. modal pasaran
- vii. modal saham berbayar
- viii. modal saham terbitan
- ix. papan utama
- x. pasaran bebas
- xi. pasaran bull
- xii. pasaran ekuiti
- xiii. pasaran saham
- xiv. pengapungan saham
- xv. saham amanah
- xvi. saham mewah
- xvii. saham murah

- xviii. unit amanah
- xx. mudarabah

### **Istilah Tidak Selaras**

Daripada analisis yang dijalankan didapati sebanyak 22 istilah atau 6.8% yang digunakan oleh pengguna tidak sama atau tidak selaras dalam kedua-dua daftar istilah yang diterbitkan. Hasil kajian yang dilakukan oleh pihak Brunei pula mendapati bahawa berdasarkan 1233 istilah MABBIM yang tersenarai, ternyata bahawa tidak terdapat sebuah bank pun yang menggunakan istilah tersebut melebihi 50 istilah. Istilah yang tersenarai itu, pada umumnya dan hampir keseluruhannya yang sudah terbiasa atau diketahui oleh orang ramai. Dengan kata lain, istilah ini terlingkung dalam perkhidmatan yang biasanya diperlukan oleh orang ramai, seperti pengeluaran, simpanan, cek, pelaburan, nombor akaun, dan sebagainya.

Ini menunjukkan bahawa betapa kurangnya istilah MABBIM yang diaplikasikan dalam urus niaga bank, lebih-lebih lagi dalam urusan pentadbiran, peraturan, dan sebagainya. Kebanyakan bank di Brunei Darussalam sedar akan kewujudan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sumber mendapatkan bantuan istilah MABBIM, namun disebabkan bahasa Inggeris lebih dominan dalam segala urusan perbankan maka istilah MABBIM tidak dapat dimanfaatkan atau digunakan secara meluas.

Pada dasarnya, institusi perbankan turut memberikan perhatian terhadap istilah perbankan yang dibentuk oleh pakar MABBIM. Walau bagaimanapun atas kekangan urusan perniagaan, institusi ini tidak dapat menggunakan istilah perbankan MABBIM pada urus niaga tertentu, terutamanya yang melibatkan urus niaga antarabangsa kerana kebanyakan dokumen disediakan dalam bahasa Inggeris.

### **Kesimpulan**

Kajian keberterimaan istilah hasil MABBIM dalam bidang ekonomi dan perbankan ini dilakukan untuk menilai tahap pemyarakatan dan penggunaan istilah ekonomi di pusat pengajian tinggi dan istilah perbankan dalam urusan kewangan di institusi perbankan. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat bagaimana sikap petugas dan pengguna dalam urusan kewangan terhadap istilah perbankan hasil MABBIM atau pensyarah dan mahasiswa di pusat pengajian tinggi terhadap istilah ekonomi bahasa Melayu/Indonesia. Penerimaan istilah ini meliputi istilah serapan dan juga istilah terjemahan. Kajian keberterimaan istilah hasil MABBIM bidang ekonomi dilaksanakan oleh pihak Indonesia manakala bidang perbankan pula dilakukan oleh pihak Malaysia dan Brunei Darussalam.

### **Rumusan**

Berdasarkan hasil analisis kajian yang dilakukan oleh ketiga-tiga negara anggota MABBIM, dapatlah dirumuskan bahawa keberterimaan istilah MABBIM bidang ekonomi dalam kalangan pensyarah dan mahasiswa di institusi pengajian tinggi di Indonesia khususnya menampakkan penerimaan yang positif. Kedua-dua kelompok responden ini tidak menampakkan perbezaan sikap yang ketara dalam penerimaan istilah MABBIM bidang ekonomi sama ada dari sudut pemboleh ubah sosial, seperti jantina, usia, tahap pendidikan, pekerjaan, latar belakang bahasa ibunda, dan tempoh berkecimpung dalam bidang ekonomi.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor penerimaan istilah MABBIM bidang ekonomi adalah atas alasan makna istilah yang sudah tepat dan baku, serta lazim digunakan. Terdapat hanya sebahagian kecil responden yang menganggap bahawa bentuk istilah MABBIM bidang ekonomi ini lebih singkat, dan sebutan atau bunyinya sedap

didengar. Selain itu, didapati juga kalangan pensyarah dan mahasiswa dapat menerima dengan baik istilah MABBIM bidang ekonomi, sama ada istilah yang berbentuk terjemahan mahupun berbentuk serapan. Hasil kajian menunjukkan responden yang berkecimpung dalam tersebut kurang dari lima tahun menunjukkan nilai ketidak berterimaan istilah MABBIM hanya dari aspek kesedapan bunyi istilah.

Faktor penolakan istilah MABBIM bidang ekonomi pula adalah atas alasan bahawa makna istilahnya yang tidak tepat, dan bentuk yang terlalu panjang. Terdapat hanya sebahagian kecil responden yang menganggap istilah asing lebih popular, dan sebutan atau bunyinya tidak sedap didengar. Walau bagaimanapun ciri-ciri istilah seperti ketepatan makna, keringkasan bentuk, serta kesedapan sebutan atau bunyi ternyata mempunyai korelasi yang sangat tinggi dengan keberterimaan istilah MABBIM bidang ekonomi.

Kajian keberterimaan istilah hasil MABBIM dalam bidang perbankan di Malaysia menunjukkan istilah digunakan secara meluas. Walau bagaimanapun terdapat juga penggunaan istilah yang tidak tersenarai sebagai istilah MABBIM. Istilah yang tidak tersenarai dalam hasil MABBIM dibina dari semasa ke semasa mengikut keperluan istilah berkenaan sesuai dengan perkembangan pesat dalam institusi perbankan, misalnya istilah dalam urusan perbankan Islam seperti wadiah, ar-Rahnu, takaful dan sebagainya. Perkembangan yang pesat dalam industri perbankan memungkinkan hal ini berlaku kerana pihak pengguna terpaksa membina istilah yang mahu digunakan tanpa menunggu istilah yang digubal oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang akan disepakati di peringkat MABBIM. Secara umumnya, penggunaan istilah perbankan dalam bahasa Melayu di Brunei digunakan dalam perkhidmatan yang kerap digunakan oleh orang ramai. Secara keseluruhannya, bahasa Inggeris lebih dominan dalam urusan perbankan berbanding bahasa Melayu.

### **Cadangan**

Usaha membina istilah dalam bidang ekonomi dan perbankan harus diteruskan, terutamanya untuk memenuhi tuntutan dan keperluan perkembangan ilmu dari semasa ke semasa dalam kedua-dua bidang ini. Misalnya, istilah yang berkaitan dengan perbankan Islam belum tersenarai dalam istilah hasil MABBIM. Kerja-kerja penggubalan istilah perlu diteruskan sejajar dengan perkembangan ilmu yang pesat.

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi memberikan kemudahan kepada institusi perbankan untuk mengurus niaga dengan cepat dan berkesan. Perkembangan ini perlu diberikan perhatian oleh MABBIM dan usaha pengumpulannya perlu terus dilaksanakan. Oleh yang demikian, walaupun dalam penyelidikan ini tidak dimuatkan istilah perbankan yang berhubung kait dengan perkhidmatan urus niaga melalui Internet, namun bentuk istilahnya sudah banyak tercipta.

Salah satu bidang yang berkaitan dengan institusi perbankan dan ekonomi ialah pasaran saham. Kebanyakan istilah dalam bidang ini tidak terdapat dalam hasil MABBIM dan dalam hal ini MABBIM disaran untuk mempergiat penyepakatan istilah yang diperlukan oleh khalayak pengguna.

Di samping membina istilah dalam bidang-bidang atau subbidang yang baru, MABBIM juga perlu melaksanakan usaha mengemas kini dan menambah istilah-istilah dalam bidang yang telah dibina supaya selaras dengan arus perdana perkembangan ilmu dan kehendak pengguna.

Kajian keberterimaan istilah MABBIM bidang ekonomi dan perbankan ini dapat dianggap masih dalam peringkat penyelidikan awal. Penyelidikan ini boleh dilanjutkan dengan menggunakan sampel data yang lebih banyak yang pastinya akan dapat memberikan lebih input dan maklumat dalam kalangan penyelidik bahasa, terutama para penyelidik dalam pelbagai bidang. ilmu. Bagi istilah-istilah yang kurang diterima oleh masyarakat pengguna sebaiknya disemak semula dengan meneliti alasan mengapa hal ini berlaku. Berbagai-bagai cara boleh dilakukan untuk memenuhi keperluan itu, antaranya dengan menyenaraikan semula istilah-istilah tersebut untuk dinilai semula oleh pakar-pakar bidang yang berkaitan. Sesungguhnya, penggubalan istilah yang berterusan dalam pelbagai bidang menjadi salah satu faktor penting dalam memastikan sesuatu bahasa itu berupaya membina tamadun bangsanya sendiri.



## Bibliografi

- Abdullah Hassan. 1978. *Dictionary Making and the Standardization of Malay (Bahasa Melayu)*. Dalam Perez et al. 1978: 43 – 72.
- Abdullah Hassan 1992. “Perancangan Bahan Peristilahan” dalam Mior Hamzah Mior Hashim *et al.* (ed.) 1992. (Pertama kali terbit pada 1987 dalam 30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia).
- Alloni-Fainberg, Yafa. 1974. “Official Hebrew Term for Parts of the Car: A Study of Knowledge, Usage, And Attitudes”. Dalam Fishman, Joshua A. (Ed.). *Advances in Language Planning*. The Hague: Mouton.
- Alwi, Hassan et al. 2000. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Anton M. Moeliono 1985. *Pengembangan dan Pembinaan Bahasa: Ancangan Alternatif di dalam Perencanaan Bahasa*. Jakarta: Penerbit Djambatan
- Asmah Omar 1985. *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia* Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf (ed.) 1996. *Manifesto Budaya: Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan 1996. “Bahasa Melayu di Malaysia: Suatu Tinjauan tentang Perkembangan dan Masalahnya” dalam Asraf (ed.) 1996:1-17.
- Cabre, M. Teresa. 1998. *Terminology: Theory, Methods and Applications*. Amsterdam: John Benjamins
- Cooper, R.L. 1989. *Language Planning and Social Change*. Cambridge: Cambridge University Press.
- DBP 1975. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP 1991. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (Edisi Semakan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- DBP 1994. *Kamus Dewan* Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1994. *Istilah Perbankan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fishman, J.A. 1974. *Advances in Language Planning*. The Hague: Mouton.
- Fishman, J.A., Ferguson, C.A. dan Das Gupta, J. (ed.) 1968. *Language Problems of Developing Nations*. New York: Wiley.
- Gurnarwan, Asim. 1995. “Degrees of Acceptance of Newly Coined Words in Corpus Planning of Indonesian Language”. Makalah dalam the Fifth Conference of Southeast Asian Linguistics Society. Arizona, May 19 – 21.
- Halim, Amran. 1979. *Pembinaan Bahasa Nasional*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa
- Halimah Ahmad 1994. “Istilah Bahasa Melayu: Satu Analisis Kajian Sikap Bahasa.” Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Pertama Jabatan Linguistik UKM-DBP: 15-16 September 1994.

- Hassan Ahmad 1996. "Taraf Bahasa Melayu Selepas 40 Tahun" dalam Asraf (ed.) 1996:40-55.
- Haugen, E. 1972. *The Ecology of Language*. Stanford: Stanford University Press.
- Haugen, E. 1987. *Blessings of Babel: Bilingualism and Language Planning*. Berlin/New York: Mouton de Gruyter.
- Haugen, Einar. 1959. "Planning for Standard Language in Modern Norway". Dalam *Antropological Linguistics*. No. 1/3:8 21.
- Jernudd, Bjorn. 1971. "Notes on Economic Analysis for Solving Language Problems". Dalam Rubin and Jernudd (Ed.) 1971. *Can Language be Plan?* (hlm 263 - 276). Honolulu: University of Hawaii Press.
- Klos, Heinz. 1969. *Research Possibilities on Group Bilingualism : A Report*. Quebec: International Center for Research Bilingualism.
- Mior Hamzah Mior Hashim *et al.* (ed.) 1992. *Ke Arah Pembentukan Istilah yang Sempurna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moeliono, Anton M. 1985. *Pengembangan dan Pembinaan Bahasa: Ancangan Alternatif dalam Perencanaan Bahasa*. Jakarta: Djambatan.
- Mustakim. 1997. "Sikap Bahasa Kalangan Perguruan tinggi di Jakarta terhadap kata-kata Baru Bahasa Indonesia". Jakarta: Universitas Indonesia. Tesis.
- Neutupny, V. 1970. "Basic Types of Treatment of Language Problems". Dalam Fishman (Ed.). 1974. *Advances in Language Planning*. (hlm.37 48). The Hague: Mouton.
- Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa 1988. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Rubin, J. dan Jernudd, B.H. (ed.) 1971. *Can Language Be Planned*. Honolulu: University Press of Hawaii
- Rubin, Joan dan Bjorn H. Jernudd (Ed.). 1971. *Can Language be Plan?* Honolulu: University of Hawaii Press.
- Sudjana. 1989. *Metoda Statistika* (Edisi ke-5). Bandung: Tarsito.
- Suhardi, Basuki. 1993. "Sikap Bahasa: Suatu Telaah Eksploratif atas Sekelompok Sarjana dan Mahasiswa di Jakarta". Disertasi. Jakarta
- Sulaiman Masri dan Zainal Abidin (ed.) 1989. *Kertas Kerja Seminar Penggunaan Istilah Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tauli, Valter. 1974. "The Theory of Language Planning". Dalam Fishman (Ed.). *Advances in Language Planning*. (Hlm. 46 67). The Hague: Mouton.
- Tollefson, J. 1991. *Planning Language, Planning Inequality*. New York: Longman.
- Wan Hashim Wan Teh 1996. "Penggunaan Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi: Kemajuan dan Harapan" dalam Asraf (ed.) 1996:18-39.